

**SEKOLAH PENDIDIKAN PROFESIONAL DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

USB.01/04.01/10.12/22(1)

14 November 2011

**PEKELILING MAHASISWA
BIL.1/2011**

PERINGATAN BERKAITAN PENDAFTARAN KURSUS DALAM TEMPOH YANG DITETAPKAN

Adalah dimaklumkan bahawa semua mahasiswa Pengajian Separuh Masa *UTMSpace* diperingatkan untuk mematuhi Perkara-Perkara Penting yang dikeluarkan pada setiap semester dan Peraturan Akademik terutamanya berkaitan Pendaftaran Kursus pada setiap semester. Bahagian IV : Pendaftaran Kursus – Panduan Pendaftaran Kursus, menjelaskan bahawa:-

- 7.0 *Pendaftaran kursus bagi pelajar kanan dibuat menggunakan kaedah atas talian dan bagi pelajar baru menggunakan Borang Pendaftaran Kursus yang disediakan dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan Program Luar atau Penyelaras Program atau pegawai lain yang diluluskan oleh Dekan Fakulti yang berkaitan. Pelajar dinasihatkan berbincang terlebih dahulu dengan Penasihat Akademik sebelum membuat pendaftaran kursus.*
- 8.0 *Pendaftaran wajib kursus hendaklah dilakukan tidak lewat daripada **EMPAT BELAS (14)** hari sebelum semester bermula sebagaimana tarikh-tarikh yang ditetapkan Universiti. Dalam tempoh ini, pelajar boleh menambah dan/atau membetulkan pendaftaran kursus dengan menggunakan Borang Pembetulan Slip Pendaftaran Kursus dan ditandatangani oleh Ketua Jabatan Program Luar atau Penyelaras Program atau pegawai lain yang diluluskan oleh Dekan.*
- 9.0 *Permohonan pendaftaran kursus selepas tarikh tutup (Pendaftaran Lewat) akan hanya dipertimbangkan dengan syarat pelajar menjelaskan denda Pendaftaran Lewat dan mendapat kelulusan Ketua Jabatan Program Luar atau Penyelaras Program atau pegawai lain yang diluluskan oleh Dekan. Kadar denda pendaftaran lewat boleh dirujuk kepada Panduan Kewangan Program Pengajian Separuh Masa *UTMSpace*.*
- 10.0 *Tarikh akhir Pendaftaran Lewat ialah pada minggu **KEDUA** semester kecuali bagi semester pendek. Selepas tarikh ini, permohonan pendaftaran lewat tidak akan dipertimbangkan.*
- 14.0 *Proses Pendaftaran Kursus hendaklah dibuat mengikut prosedur yang ditetapkan oleh Universiti. Pendaftaran yang dibuat dengan tidak mematuhi prosedur ini tidak akan diterima atau tidak akan dipertimbangkan.*

Sehubungan itu, mahasiswa perlu mengemukakan Surat Permohonan Pendaftaran Lewat kepada Pengarah Pusat Pengajian Separuh Masa. Keputusan permohonan tersebut akan dimaklumkan oleh pihak *UTMSpace* dan caj denda Pendaftaran Lewat akan direkodkan dalam penyata kewangan mahasiswa. Disamping itu diingatkan bahawa mahasiswa hanya boleh

menggunakan Borang Pembetulan Slip Pendaftaran Kursus bagi membuat pembetulan pendaftaran kursus yang telah dibuat seperti yang termaktub dalam Bahagian IV : Pendaftaran Kursus – Panduan Pendaftaran Kursus yang menjelaskan bahawa:-

12.0 Pelajar boleh memohon untuk membetul, menggugur atau membatalkan mana-mana kursus, sekseyen, kod, pusat pembelajaran atau taraf kursus yang telah didaftarkan pada semester yang berkenaan dengan menggunakan Borang Pembetulan Slip Pendaftaran Kursus sebelum atau pada minggu **KETIGA** semester.


Justeru, mahasiswa adalah dinasihatkan supaya sentiasa mematuhi Peraturan Akademik dan peka dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Mahasiswa Pengajian Separuh Masa *UTMSPACE*. Segala maklumat berkaitan Pengajian Separuh Masa disediakan dalam Portal Pelajar di laman sesawang : www.utmspace.utm.my. Sebarang masalah yang timbul boleh dipanjangkan menerusi saluran berikut:-

Seksyen / Unit	No. Telefon	No. Faks	Email
Seksyen Pengurusan Akademik	(Johor Bahru) 07 - 521 8130 07 - 521 8145	(Johor Bahru) 07 - 521 8158	spa@utmspace.edu.my
	(Kuala Lumpur) 03 - 2615 4465	(Kuala Lumpur) 03 - 2698 4424	
Bahagian Kewangan	(Johor Bahru) 07 - 521 8112 07 - 521 8117	(Johor Bahru) 07 - 521 8113	kewangan@utmspace.edu.my
	(Kuala Lumpur) 03 - 2615 4206	(Kuala Lumpur) 03 - 2698 4424	

Sekian, terima kasih.

“MENJANA MINDA KREATIF DAN INOVATIF”

Yang benar



PROF. MADYA SR. DR. MOHD ZULKIFLI BIN MOHD YUNUS

Pengarah

Pusat Pengajian Separuh Masa

UTMSPACE

- s.k - Dekan, *UTMSPACE*
- Pemangku Pengurus, Pusat Pengajian Separuh Masa, *UTMSPACE*
 - Ketua Jabatan (Program Luar), Fakulti-Fakulti UTM
 - Pengurus Besar, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi *UTMSPACE*
 - Pengurus Kanan, Bahagian Kewangan *UTMSPACE*